



**DEKATI  
PESAKIT:**

Meskipun baru di tahun pertama jurusan kejururawatan di NUS, Cik Faizah (kiri) berpeluang memeriksa tekanan darah penduduk di kejiranan Eunos Crescent. Bersamanya ialah Dr Fatimah Lateef. – Foto ZAINAL YAHYA

## Hulur tenaga di sesi pemeriksaan kesihatan bagi warga di Eunos

► **HARYANI ISMAIL**  
haryani@sph.com.sg

MINAT Cik Faizah Irwanis Ahmad terhadap bidang kejururawatan tercetus daripada keinginan membantu pesakit yang memerlukan rawatan bagi meredakan bebanan kesihatan.

Semalam, beliau antara 180 mahasiswa jurusan khidmat kesihatan dan kerja sosial yang berpeluang menjalankan pemeriksaan kesihatan percuma bagi penduduk di kejiranan Eunos Crescent.

Lagi 180 mahasiswa terlibat dalam pemeriksaan kesihatan hari ini.

Sebilangan penduduk yang berusia 40 tahun ke atas itu pula adalah penghuni flat sewa yang dihimpit masalah kewangan.

Peluang Cik Faizah, 19 tahun, mahasiswa tahun pertama di Universiti Nasional Singapura (NUS), menawarkan khidmat sukarela itu terbuka hasil program khidmat kesihatan masyarakat tempatan kendalian badan

pelajar, Perkhidmatan Kesihatan Kejiranan (NHS).

NHS dianggotai mahasiswa perubatan NUS dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) serta mahasiswa kejururawatan NUS dan kerja sosial NUS.

Setiausaha Parlimen (Ehwal Dalam Negeri merangkap Kesihatan), Encik Amrin Amin dan Anggota Parlimen GRC Marine Parade, Dr Fatimah Lateef, turut meninjau pemeriksaan kesihatan yang ditawarkan buat 350 penduduk di kejiranan itu.

Pengarah NHS, Encik Tseng Fan Shuen, 20 tahun, berkata pihaknya ingin mengenal pasti penduduk yang selama ini terhalang daripada menghadiri pemeriksaan kesihatan dan rawatan susulan kerana masalah kewangan agar mereka tidak dikesualikan daripada menikmati rawatan sewajarnya.

Cik Faizah pula menambah:

“Pengalaman memeriksa tekanan darah, degupan jantung dan mata penduduk membuatkan saya memahami kesulitan kesihatan orang lain.”